



Ruj. Kami : Bil. (5) dlm. MPKK (P) 5/816/1- JLD20 SH(K) 35/2026
Tarikh : 29 April 2026

Kontraktor yang Berdaftar dengan CIDB dan Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Dengan Gred G2 – Pengkhususan Kategori CE01, CE02, CE21 & dan Sijil Taraf Bumiputera tempoh sah laku minimum OGOS 2026 Serta Sijil Perakuan Pematuhan (TCC).

SEBUT HARGA NO : SH (K) 35/2026 –MENAIK TARAF JAMBATAN TAMAN YAKIN MESRA, SG.SIPUT(U),MP KUALA KANGSAR.

Merujuk kepada perkara di atas, kontraktor yang berdaftar dengan PKK dan CIDB dalam kelas, kepala dan sub-kepala di atas, Sijil TCC dan yang masih dibenarkan menyertai sebut harga/tawaran adalah dipelawa untuk mengemukakan harga bagi melaksanakan kerja-kerja di atas seperti yang diuraikan di dalam ringkasan sebut harga berkepil.

2. Kontraktor yang layak menyertai sebut harga ini bolehlah mendapatkan borang sebut harga di **Kaunter MPKK** dengan harga **RM50.00** seperti butiran berikut:-

- 2.1 Tempoh Jualan Borang Sebut harga : 30 APR 2026 hingga 06 MAY 2026
2.2 Tarikh Tutup Peti : Pada
Sebelum Jam 12.00 tengah hari 07 MAY 2026

3. Borang sebut harga yang telah dilengkapkan berserta satu (1) Salinan Resit Pembelian, Sijil Taraf Bumiputera (STB), Perakuan Pendaftaran (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil SSM dan Sijil TCC yang sah tempoh laku serta Penyata Akaun Syarikat tiga (3) bulan berturutan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A4. Sampul ini dimasukkan ke dalam peti tawaran MPKK pada tarikh yang telah ditetapkan.

4. Sila ambil perhatian bahawa:-

- 4.1 Kontraktor adalah diwajibkan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan/Barangan Binaan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. dan/ atau Senarai Bahan/Barangan Binaan Tempatan yang disediakan oleh SIRIM QA Service Sdn. Bhd, mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah surat setuju terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.
- 4.2 Bagi bahan/barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan juga boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Service Sdn. Bhd. mengikut mana yang berkenaan. Jika pengujian tidak dijalankan oleh IKRAM QA Service Sdn. Bhd. atau SIRIM QA Service Sdn. Bhd, kontraktor boleh memohon dan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Penguasa untuk menjalankan ujian dengan agensi lain.
- 4.3 Kontraktor adalah diwajibkan untuk melengkapkan Borang (A-C) yang dikepilkan bersama-sama ini.

5. Kontraktor yang berjaya dalam sebut harga dikehendaki memulakan kerja dalam masa tujuh (7) hari selepas Inden Kerja dikeluarkan dan dikehendaki siap pada tarikh yang ditetapkan. Denda lewat akan dikenakan jika kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

6. MPKK tidak terikat untuk menerima sebut harga yang rendah sekali atau mana-mana sebutharga sekalipun.

7. Kontraktor hendaklah tidak melibatkan diri dalam perkara-perkara berikut:-

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota pentadbiran awam dan menyenarai hitam kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberikan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar